

**JENAYAH KEGANASAN RUMAH
TANGGA BAGI WANITA DI USIA
PERKAHWINAN MUDA:
KAJIAN KES DI KOTA KINABALU,
SABAH
MEZA ANAK MENDAU**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

**JENAYAH KEGANASAN RUMAH TANGGA
BAGI WANITA DI USIA PERKAHWINAN
MUDA:
KAJIAN KES DI KOTA KINABALU, SABAH**

MEZA ANAK MENDAU

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa karya yang bertajuk "*Jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita di usia perkahwinan muda: Kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah*" adalah hasil kerja saya sendiri kecuali rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Meza

Tarikh: 13 April 2022

.....

Meza anak Mendau

BA19110665

"Adalah disahkan bahawa Latihan Ilmiah ini yang bertajuk 'Jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita di usia perkahwinan muda: Kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah', disediakan oleh Meza anak Mendau bagi tujuan memenuhi sebahagian syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Geografi), Universiti Malaysia Sabah".

PENGESAHAN

NAMA : **MEZA ANAK MENDAU**

NO. MATRIK : **BA19110665**

TAJUK : **JENAYAH KEGANASAN RUMAH TANGGA BAGI WANITA DI USIA PERKAHWINAN MUDA:**

KAJIAN KES DI KOTA KINABALU, SABAH

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)**

DISAHKAN OLEH

1. PEMILIK KARYA

Meza anak Mendau

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian (Geografi)

Fakulti Sains sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

Meza

2. PENYELIA UTAMA

Dr. Nor Ina Kanyo

Penyelia Latihan Ilmiah

Program Geografi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

TANDATANGAN

fo

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya sangat bersyukur dengan adanya kesempatan dan menggunakan keistimewaan diberikan Tuhan dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai rintangan dan dugaan. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Nor-Ina Binti Kanyo, selaku penyelia saya yang banyak bersabar, memberikan sokongan, nasihat dan bimbingan yang banyak membantu selama proses penghasilan tesis dijalankan sehinggalah selesai.

Dengan adanya segala bantuan, motivasi, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau yang banyak mengajar saya untuk menjadi penyelidik yang baik. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Mendau anak Singku dan Menti anak Chilly yang sentiasa memberikan dorongan, kasih sayang, doa dan peringatan berkaitan motivasi hidup yang amat saya perlukan sehinggalah tesis dan pengajian ini mampu saya jalani dengan jayanya. Segala pengorbanan yang telah dilakukan ini amat saya sanjungi dan sentiasa diingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberikan sumbangan cadangan dan bantuan sepanjang proses tesis ini dijalankan sehinggalah selesai. Semoga dengan adanya penyelidikan dan penulisan tesis ini mampu dijadikan tambahan ilmu yang berguna bagi tatapan generasi akan datang.

Terima kasih,

Meza anak Mendau

BA19110665

20 Julai 2022

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang mengkaji jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda dan satu kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan dan pengalaman wanita berkahwin mengenai faktor keganasan rumah tangga, kesan keganasan rumah tangga serta cadangan langkah bagi pengurangan kadar jenayah ini. Kajian yang dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif ini dilaksanakan kepada wanita berkahwin yang terdapat di kawasan Kota Kinabalu, Sabah melalui kaedah temu bual dan soal selidik sepenuhnya sebagai instrument kepada 86 wanita berkahwin di Kota Kinabalu bagi mengeluarkan tema utama serta sub-sub tema untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian turut dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sciences (SPSS) versi 28.0.0.0 (190) untuk mendapatkan peratusan dan min bagi mesnstrukturkan tema-tema selaras dengan borang soal selidik, google form dan temu bual yang diperolehi daripada responden. Dapatan kajian mendapati tiga tema faktor keganasan rumah tangga memiliki kekerapan tertinggi iaitu faktor dalaman mangsa, sifat peribadi pelaku dan faktor pengaruh persekitaran. Bagi tema kesan pula terdapat dua tema iaitu dari segi kecederaan fizikal, kecederaan psikologi turut diikuti dengan empat tema langkah pengurangan jenayah iaitu cadangan yang dilakukan mangsa, perkhidmatan daripada pihak bertanggungjawab, pengetahuan mangsa mengenai akta dan undang-undang serta program pemulihan mendapat sokongan daripada responden. Kajian menunjukkan bahawa peranan pihak polis, masyarakat, peranan kerajaan dan peranan pihak bertanggungjawab yang lain harus menumpukan dalam mengurangkan jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin pada usia muda. Terdapat beberapa cadangan kajian berterusan bagi pengkaji yang berminat meneruskan kajian ini juga turut dicadangkan langkah pengurangan bagi membantu kajian pada masa akan datang

Kata kunci: Jenayah, Keganasan, Rumah tangga, Wanita berkahwin, Usia Perkahwinan muda, Kota Kinabalu Sabah

ABSTRACT

This study is a survey study that examines the crime of domestic violence among women of young marriage age and a case study in Kota Kinabalu, Sabah. This study aims to obtain the views and experiences of married women on the factors of domestic violence, the effects of domestic violence as well as suggested measures to reduce this crime rate. This qualitative and quantitative study was conducted on married women in the area of Kota Kinabalu, Sabah through interviews and questionnaires as an instrument to 86 married women in Kota Kinabalu to bring out the main themes and sub-sub themes to support the research study. The findings of the study were also analyzed by using the Statistical Package for Sciences (SPSS) software version 28.0.0.0 (190) to obtain the percentage and mean to structure the themes in accordance with the questionnaire, google form and interview obtained by the respondents. Findings of the research factors of three themes of domestic violence factors have the highest frequency, which are the victim's interior, the perpetrator's personal characteristics and environmental factors. As for the impact theme, there are two themes in terms of physical injury, injury and injury, followed by four themes of crime reduction, namely suggestions made by victims, services from responsible parties, victims' knowledge of actions and laws as well as respondent support rehabilitation programs. The study shows that the role of the police, the community, the role of the government and the role of other responsible parties should focus on reducing the crime of domestic violence for women married at a young age. There are several recommendations for ongoing research for researchers who are interested in continuing this study, as well as suggested mitigation measures to help future research

Keywords: Crime, Violence, Household, Married women, Young Marriage Age, Kota Kinabalu Sabah

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	I-II
PENGAKUAN	III
PENGESAHAN	IV
PENGHARGAAN	V
ABSTRAK	VI
<i>ABSTRACT</i>	VII
SENARAI KANDUNGAN	VIII-XI
SENARAI JADUAL	XII-XIII
SENARAI RAJAH, PETA DAN GRAF	XIV
SENARAI SINGKATAN	XV
SENARAI LAMPIRAN	XVI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Isi Kandungan

BAB 1.....	1
PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Isu dan permasalahan kajian	4
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Kerangka konseptual kajian	5
1.7 Kepentingan kajian.....	8
1.8 Skop kajian	8
1.9 Kawasan kajian.....	9
1.10 Organisasi penulisan tesis.....	11
1.11 Kesimpulan.....	12
BAB 2.....	13
SOROTAN LITERATUR.....	13
2.1 Pengenalan.....	13
2.2 Intipati kajian	14
2.2.1 Geografi.....	14
2.2.2 Geografi manusia	14
2.2.3 Geografi jenayah.....	15
2.2.4 Pendefinisian konsep kajian.....	15
2.3 Trend keganasan rumah tangga di Malaysia	16
2.3.1 Trend statistik keganasan rumah tangga di Malaysia pada tahun 2015 hingga 2021	20
2.4 Bentuk keganasan rumah tangga di Malaysia	20
2.4.1 Kajian lepas berkaitan bentuk keganasan rumah tangga di Malaysia	21
2.5 Implikasi keganasan rumah tangga di Malaysia.....	23
2.5.1 Kajian lepas berkaitan implikasi keganasan rumah tangga di Malaysia	24
2.6 Masalah dan faktor jenayah keganasan rumah kepada wanita berkahwin di Malaysia	25
2.7 Kajian mengenai jenayah keganasan rumah tangga kepada wanita berkahwin di Malaysia	29
2.7.1 Kajian lepas berkaitan Kajian jenayah keganasan rumah tangga kepada wanita berkahwin di Malaysia	29
2.8 Kajian mengenai jenayah keganasan rumah tangga di luar negara	32
2.8.1 Faktor-faktor keganasan rumah tangga.....	32
2.9 Kesan keganasan rumah tangga di luar negara	36

2.9.1	Kajian lepas berkaitan kesan keganasan rumah tangga di luar negara	36
2.10	Bentuk keganasan rumah tangga di luar negara	38
2.10.1	Kajian lepas berkaitan bentuk keganasan rumah tangga di luar negara	38
2.11	Kajian isu-isu semasa mengenai keganasan rumah tangga di luar negara	39
2.11.1	Kajian lepas berkaitan isu-isu semasa mengenai keganasan rumah tangga di luar negara	39
2.12	Kesimpulan.....	42
BAB 3.....		43
METODOLOGI KAJIAN		43
3.1	Pengenalan.....	43
3.2	Reka bentuk kajian.....	43
3.2.1	Kaedah Pengumpulan data	44
3.3	Instrumen kajian	45
3.4	Kajian Rintis.....	46
3.5	Pengukuran menggunakan skala likert	47
3.6	Teknik pengumpulan data	48
3.7	Data primer	48
3.7.1	Soal selidik.....	48
3.7.2	Temu bual	49
3.8	Data sekunder	50
3.8.1	Kajian perpustakaan.....	50
3.8.2	Rujukan internet	51
3.9	Teknik analisis dan persembahan data	51
3.9.1	Statistical Package for social sciences (SPSS).....	51
3.9.2	Microsoft Office excel 365	52
3.9.3	Microsoft Visio 2019	52
3.10	Carta alir kajian	52
3.11	Kebolehpercayaan kajian	53
3.12	Kesimpulan.....	58
BAB 4.....		59
DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN		59
4.1	Pengenalan.....	59
4.2	Demografi responden	59
4.3	Pengalaman dan situasi wanita berkahwin mengalami masalah keganasan rumah tangga pada usia perkahwinan muda di Kota Kinabalu, Sabah.....	62

4.4	Faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda: Kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah.	64
4.4.1	Faktor dalaman mangsa jenayah keganasan rumah tangga.....	64
4.4.2	Faktor sifat peribadi pelaku	69
4.4.3	Faktor pengaruh persekitaran berkaitan dengan kekeluargaan.....	72
4.5	Kesan-Kesan jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita	76
4.5.1	Kecederaan fizikal	76
4.5.2	Kecederaan psikologi	80
4.6	Langkah pengurangan kadar jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin	83
4.6.1	Cadangan yang boleh dilakukan mangsa	83
4.6.2	Langkah pengurangan kadar jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin: Perkhidmatan daripada pihak yang bertanggungjawab	86
4.6.3	Langkah pengurangan kadar jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin: Pengetahuan mangsa mengenai akta dan undang-undang berkaitan jenayah keganasan rumah tangga	89
4.6.4	Langkah pengurangan kadar jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin: program pemulihan	92
4.7	Kesimpulan.....	95
BAB 5	95
KESIMPULAN DAN PENUTUP	95
5.1	Pengenalan.....	95
5.2	Ringkasan kajian.....	96
5.3	Perbincangan dan penemuan kajian.....	96
5.3.1	Perbincangan demografi kajian	96
5.3.2	Perbincangan faktor keganasan rumah tangga bagi wanita di usia perkahwinan muda	97
5.3.3	Perbincangan kesan keganasan rumah tangga terhadap wanita	99
5.3.4	Perbincangan langkah pengurangan kadar jenayah keganasan rumah tangga	99
5.4	Cadangan tindakan pengurangan jenayah ini bagi persediaan masa depan.....	101
5.4.1	Tindakan golongan wanita muda.....	101
5.4.2	Peranan Masyarakat	101
5.4.3	Peranan Jabatan Agama Islam	101
5.4.4	Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat	102
5.5	Saranan kajian.....	102
5.6	Cadangan kajian masa depan	103
5.7	Penutup.....	104


Rujukan

Lampiran

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Organisasi penulisan tesis.....	11
Jadual 2.1: Kajian lepas berkaitan bentuk keganasan rumah tangga di Malaysia.....	21-22
Jadual 2.2: Kajian lepas berkaitan impak keganasan rumah tangga di Malaysia.....	24
Jadual 2.3: Kajian lepas berkaitan faktor keganasan rumah tangga di Malaysia.....	27-28
Jadual 2.4: Kajian jenayah keganasan rumah tangga kepada wanita berkahwin.....	30-32
Jadual 2.5: Kajian lepas berkaitan faktor keganasan rumah tangga di luar negara.....	33-35
Jadual 2.6: Kajian lepas berkaitan kesan keganasan rumah tangga di luar negara.....	35-37
Jadual 2.7: Kajian lepas berkaitan bentuk keganasan rumah tangga di luar negara.....	38
Jadual 2.8: Kajian lepas berkaitan isu-isu mengenai keganasan di luar negara.....	40-41
Jadual 3.1: Skala likert mengenai faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	47
Jadual 3.2: Skala likert mengenai kesan-kesan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	47
Jadual 3.3: Skala likert mengenai langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	47
Jadual 3.4: Tahap kebolehppercayaan.....	53
Jadual 3.5: Nilai Alpha Cronbach bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda....	53
Jadual 3.6: Nilai Alpha Cronbach bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah dalam kalangan wanita.....	54
Jadual 3.7: Nilai Alpha Cronbach bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah dalam kalangan wanita.....	54
Jadual 3.8: Nilai Alpha Cronbach bagi menganalisis kesan-kesan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	54
Jadual 3.9: Nilai Alpha Cronbach bagi menganalisis kesan-kesan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita.....	55
Jadual 3.10: Nilai Alpha bagi mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	55
Jadual 3.11: Nilai Alpha bagi mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	56

Jadual 3.12 Nilai Alpha bagi mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda.....	57
Jadual 3.13 Nilai Alpha bagi mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita.....	58
Jadual 4.1: Demografi responden.....	61-62
Jadual 4.2: Keganasan penderaan mengikut pengalaman mangsa.....	63
Jadual 4.3: Faktor dalaman mangsa.....	68
Jadual 4.4: Faktor sifat peribadi pelaku.....	71
Jadual 4.5: Faktor pengaruh persekitaran.....	75
Jadual 4.6: kecederaan fizikal.....	78
Jadual 4.7: kecederaan psikologi.....	82
Jadual 4.8: Cadangan yang boleh dilakukan mangsa.....	85
Jadual 4.9: Perkhidmatan daripada pihak yang bertanggungjawab.....	88
Jadual 4.10: Pengetahuan mangsa mengenai akta dan undang-undang.....	92
Jadual 4.11: Program pemulihan.....	95



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Rajah, Peta dan Graf

Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian.....	6-7
Peta 1.1: Kota Kinabalu, Sabah.....	9
Peta 1.2: Peta ArcGIS Kota Kinabalu, Sabah.....	10
Rajah 2.1: Intipati Kajian.....	14
Rajah 2.2: Statistik bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri di Malaysia tahun 2016.....	16
Rajah 2.3: Statistik bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri di Malaysia tahun 2016.....	17
Rajah 2.4: Statistik bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri di Malaysia tahun 2018.....	18
Rajah 2.5: Statistik keganasan rumah tangga di Malaysia.....	19
Rajah 2.6: Trend statistik keganasan rumah tangga di Malaysia pada tahun 2015 hingga 2021.....	20
Rajah 3.1: Carta alir kajian.....	52
Carta pie 4.1: Keganasan penderaan.....	64
Graf 4.1: Faktor dalaman mangsa.....	69
Graf 4.2: Faktor sifat peribadi pelaku.....	72
Graf 4.3: Faktor pengaruh persekitaran.....	76
Graf 4.4: Kecederaan fizikal.....	80
Graf 4.5: Kecederaan psikologi.....	83
Graf 4.6: Cadangan yang boleh dilakukan mangsa.....	86
Graf 4.7: Perkhidmatan daripada pihak bertanggungjawab.....	89
Graf 4.8: Pengetahuan mangsa mengenai akta dan undang-undang.....	93
Graf 4.9: Program pemulihan.....	95

SENARAI SINGKATAN

PKP	Perintah Kawalan pergerakan
KRT	Keganasan Rumah Tangga
PDRM	Polis Diraja Malaysia
NGO	Pertubuhan bukan kerajaan
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
SPSS	Perisian Statistical Package for the Social Science
WAO	Pertubuhan pertolongan Wanita
CWCC	Women Crisis Center
HAWA	Bahagian Hal Ehwal Wanita
NCWO	Jawatankuasa Penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Senarai Rajah

Rajah 1: Peratus Persamaan Indeks Turnitin

Rajah 2: Gambar pengalaman mangsa didera di bahagian fizikal

Rajah 3: Borang Soal selidik yang diedarkan kepada responden

Rajah 4: Peta Kota Kinabalu, Sabah

Rajah 5: Peta ArcGis Kota Kinabalu, Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Jenayah kes keganasan rumah tangga semakin berleluasa dan meningkat semenjak kerajaan memutuskan bahawa perintah kawalan pergerakan perlulah diperketatkan disebabkan adanya pandemik Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini telah dilaksanakan di seluruh Malaysia bermula pada 18 Mac 2020 yang tertakluk di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Nazli, Aspaella, Asmar, Che Thalbi, 2021). Sehubungan dengan itu, Perintah tersebut turut menghadkan pergerakan orang ramai di luar rumah dan memastikan semua premis banyak ditutup kecuali perkhidmatan penting sahaja. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan turut menyumbang kepada peningkatan masalah keganasan rumah tangga dan masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Masalah keganasan rumah tangga ini amat membimbangkan memandangkan pandemik Covid-19 belum berakhir sepenuhnya dan Malaysia turut menunjukkan potensi bahawa arahan fasa endemik telah dilaksanakan pada 1 April 2022 yang menunjukkan bahawa pentingnya kawalan pergerakan ini membantu pengurangan kes Covid-19 daripada terus meningkat. Melalui pengawalan pergerakan yang dijalankan memberikan inisiatif yang berkesan kerana berdasarkan keseluruhan senarai dunia, setakat March 2022, Malaysia berada di tangga ke-13 daripada 122 negara atau wilayah dalam Indeks Pemulihan Covid-19 (Berita Harian, 2022). Namun, di sebalik kejayaan PKP dilaksanakan dengan ketat, terdapat beberapa akibat yang memberi impak besar kepada seluruh masyarakat. Antara masalah yang paling ketara adalah berlakunya peningkatan kes keganasan rumah tangga (KRT) yang melibatkan wanita berkahwin di seluruh dunia (Margolfo, 2020) termasuk Malaysia (Mukundan, 2020).

Keganasan rumah tangga merupakan salah satu perbuatan jenayah yang mengancam kehidupan terutamanya bagi golongan yang kurang berkeupayaan tanpa mengira jantina, umur dan pertalian darah (Hanafi Arief & Rohani, 2020). Jenayah keganasan rumah tangga ini merupakan suatu insiden atau tindakan dengan mengawal, memaksa, mengancam, menghina dan keganasan seksual yang berlaku ke atas pasangan atau ahli keluarga berdekatan. Menurut kajian (Elinawati Maria, 2019) turut mengatakan bahawa keganasan rumah tangga merupakan suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang kerap berlaku disebabkan seorang pasangan ingin mendominasi dan mengawal pasangannya. Melalui

perangkaan yang dicatat turut menunjukkan bahawa kes-kes keganasan yang sering berlaku terhadap wanita yang sudah berkahwin terutamanya masa pandemik ini seperti penderaan

sosial, masalah kewangan, kehilangan pekerjaan dan sebagainya yang semakin membimbangkan pada masa ini kerana masalah ini bukan hanya menyebabkan fizikal dan mental terganggu tetapi boleh mengakibatkan kematian.

Laporan statistik yang dilaporkan sepanjang tempoh pelaksanaan kawalan pergerakan (PKP) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan NGO yang berperanan penting menangani isu keganasan rumah tangga ini menyatakan dari tahun 2020 menunjukkan sebanyak 5,260 kes sehingga 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 9,015 kes yang telah dilaporkan. Memetik laporan yang diketengahkan oleh (Awani, 2021) memaklumkan bahawa sebanyak 4905 kes kematian dilaporkan kepada polis dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2021 dan ini menunjukkan peningkatan drastik masalah ini disebabkan ekoran tekanan mental yang dihadapi oleh golongan wanita berkahwin. Kebanyakan kes yang timbul melibatkan cedera tanpa senjata, cedera parah, kesalahan ugutan jenayah dan khianat (Bahrin, 2019).

Peningkatan keganasan rumah tangga yang belum diatasi sepenuhnya merupakan masalah yang perlu ditangani dengan segera dan ini menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan jenayah keganasan rumah tangga terhadap golongan wanita sebagai masalah kesihatan global yang perlu dititikberatkan. Keganasan merupakan salah satu perbuatan yang menyebabkan mangsa dalam situasi ketakutan, paksaan, mengancam melakukan perbuatan seksual, mengurung serta menahan tanpa kerelaan mangsa dengan niat menyebabkan kegusaran dan kesedihan (JKM, 2018).

Masalah keganasan rumah tangga ini sering berlaku kepada sesiapa sahaja melalui adanya pengalaman, pengetahuan serta berita yang disampaikan kerana masalah ini berlaku tanpa mengira usia, seksual, bangsa, agama, latar belakang serta tahap pendidikan (Buang, 2017). Selain itu, masalah ini turut difahami melalui isu gender di mana mangsa keganasan rumah tangga kerap dialami golongan wanita berbanding lelaki terutamanya berlaku semasa era pandemik Covid-19.

1.2 Latar belakang kajian

Keganasan rumah tangga merupakan salah satu penggunaan tingkah laku yang merujuk kepada peristiwa yang menakutkan, manipulatif, atau memaksa oleh satu pasangan yang bertujuan untuk mengekalkan kuasa dan kawalan terhadap pasangan intimnya. Masalah

keganasan rumah tangga ini seringkali berlaku dalam kalangan wanita yang di usia perkahwinan muda dan merupakan suatu perkara yang hangat diperkatakan di Malaysia. Hal ini disebabkan kerana kes ini sentiasa menunjukkan peningkatan terutamanya semenjak (PKP) perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Jenayah Keganasan rumah tangga ini sering bersifat berulang dan rawak kerana penderaan kebanyakan dilakukan secara fizikal, psikologi, sosial, seksual atau penyalahgunaan kewangan terhadap mangsa. Kewujudan jenayah keganasan rumah tangga sering berlaku khususnya peningkatan kes di kawasan Kota Kinabalu, Sabah kerana kebanyakan masalah rumah tangga yang sering dilaporkan lebih banyak di kawasan yang berhampiran sama ada kawasan perkampungan dengan kawasan bandar turut ada kes dilaporkan oleh mangsa sendiri. Hal ini terbukti apabila berlakunya peningkatan penceraian semasa tempoh pandemik akibat daripada masalah rumah tangga yang dialami dari Mac 2020 hingga Ogos 2021 terutamanya di Sabah mencatatkan 4010 daftar cerai dilaporkan (Berita Harian, 2020).

Rentetan daripada masalah tersebut, Lembaga Penduduk dan Pembangunan keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil inisiatif bagi berusaha mengurangkan masalah keganasan rumah tangga merupakan suatu pencabulan ke atas hak asasi seorang wanita ketika usia muda dan hal ini membantu meninjau tekanan emosi serta kesihatan mental dan fizikal yang dihadapi wanita itu sendiri, termasuk kekangan ekonomi dan keganasan merentasi generasi (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2018). Keganasan merentasi generasi ini mungkin berlaku apabila seorang anak perempuan yang telah menyaksikan penderaan ibunya atau ahli keluarga lain yang terjebak dalam hubungan dengan pendera di kemudian hari dalam hidupnya. Perkhidmatan kaunseling dan program pemulihan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan keluarga Negara (LPPKKN) ini diberi keutamaan terutamanya kepada mangsa keganasan rumah tangga bagi golongan wanita yang berusia 18 hingga 45 tahun yang tinggal di beberapa tempat iaitu Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan dengan itu, penyelesaian kepada masalah keganasan rumah tangga ini dijalankan bagi meninjau faktor serta kesan mendalam yang dialami mangsa ketika gelombang pandemik dan perintah kawalan pergerakan (PKP) sebelumnya. Hal ini mampu membantu golongan wanita muda terus bangkit dan berani mengatasi serta melaporkan bagi melindungi diri daripada menjadi mangsa masalah keganasan rumah tangga yang dialami.

Kajian ilmiah ini dijalankan menjurus kepada faktor yang menyumbang kepada peningkatan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda. Kajian ini turut melihat kesan yang dihadapi golongan wanita berkahwin serta

mencadangkan langkah yang sesuai bagi mengurangkan peningkatan kadar jenayah keganasan rumah tangga di Kota Kinabalu, Sabah.

1.3 Isu dan permasalahan kajian

Jenayah keganasan rumah tangga merupakan salah satu jenayah seringkali terjadi namun peningkatan kes jenayah ini semakin menjadi dan berlanjutan semenjak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Mangsa Keganasan rumah tangga lebih sering menghadapi risiko lebih besar semenjak PKP berbanding dari hari-hari biasa dan kebanyakan kes keganasan tidak dilaporkan disebabkan masalah peribadi atau dalaman keluarga mangsa sendiri (Handbook for National Action Plans on Violence Against Women, 2012). Hal ini disebabkan kebanyakan mangsa terperangkap di rumah sepanjang hari menetap bersama dengan pendera. Pendera juga tidak boleh keluar dari rumah mempunyai kecenderungan untuk bertindak ganas terhadap mangsa atas faktor dalaman dan faktor luaran mangsa yang berpunca daripada sifat peribadi pendera sendiri.

Berikutan situasi pandemik COVID19, peluang mangsa untuk meminta bantuan dari orang luar sangat terbatas, disebabkan pendera menyekat kebebasan bergerak dan mengawasi setiap tindakan mereka (Shariffah dan Noor, 2010). Memetik kenyataan daripada (Herman, 1997) turut menjelaskan bahawa kebanyakan wanita yang merupakan mangsa keganasan ini sering mengalami perubahan dari segi personaliti yang menyebabkan mereka menyerah dan lebih senang didera. Menurut kajian (Bahrin, 2019) telah menjelaskan terdapat kes dilaporkan di mana mangsa telah meminta pertolongan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana dipukul oleh suaminya dan mangsa tidak mampu melarikan diri kerana bersama suaminya yang merupakan pendera dan berada di rumah sepanjang masa.

Selain itu, jenayah keganasan rumah tangga berlaku berterusan disebabkan kebanyakan mangsa yang tidak mampu bekerja dan mencari pendapatan sepanjang PKP dilaksanakan dan lebih bergantung kepada pendera dari segi kewangan dan hanya hidup menurut kehendak pendera. Seterusnya, mangsa yang berjaya membebaskan diri dari situasi keganasan dan berada di rumah perlindungan atau rumah sendiri juga turut mengalami masalah kewangan. Menurut Women Aid Organizations dalam kajian (Arumugan, 2020) telah menyatakan bahawa terdapat seramai 20 wanita yang merupakan mangsa keganasan pernah tinggal di rumah perlindungan dan terdapat sebanyak 30 peratus tidak mendapat pekerjaan disebabkan PKP dan sebanyak 25 peratus masih mencari pekerjaan, sementara terdapat 5 peratus gaji mereka telah dikurangkan.

1.4 Persoalan kajian

Berdasarkan permasalahan isu kajian beberapa persoalan kajian diketengahkan seperti berikut;

- i. Apakah faktor jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Sejauhmanakah kesan jenayah keganasan rumah tangga turut mempengaruhi wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.
- iii. Cadangkan langkah yang sesuai dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.

1.5 Objektif kajian

Kajian ini mengandungi beberapa objektif seperti berikut;

- i. Mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Menganalisis kesan-kesan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.
- iii. Mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah.

1.6 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian merujuk kepada topik utama kajian berkaitan Jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita di usia perkahwinan muda. Dalam kerangka konseptual ini terdiri daripada pendahuluan yang merangkumi bahagian pengenalan dan latar belakang kajian disebabkan adanya kewujudan jenayah keganasan rumah tangga sering berlaku khususnya peningkatan kes yang terdapat di kawasan Kota Kinabalu, Sabah kerana kebanyakan masalah rumah tangga yang sering dilaporkan di kawasan yang berhampiran sama ada kawasan perkampungan dengan kawasan bandar turut ada kes dilaporkan oleh mangsa sendiri.

Dalam kerangka juga turut menjelaskan tentang isu dan permasalahan kajian disebabkan jenayah keganasan rumah tangga merupakan salah satu jenayah kerap berlaku namun peningkatan kes jenayah ini semakin menjadi dan berlanjutan semenjak adanya Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Seterusnya, tujuan kajian juga dijelaskan bagi melihat sejauhmana jenayah keganasan rumah tangga sering berlaku di kalangan wanita muda. Bagi objektif kajian pula adalah mengenal pasti faktor jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita di usia perkahwinan muda. Di samping itu, objektif kajian ini turut berfokus kepada kesan jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin pada

usia muda di Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, objektif kajian ini turut bertujuan untuk mencadangkan langkah dalam mengurangkan kadar jenayah keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin di Kota Kinabalu, Sabah.


Dalam kerangka kajian juga turut menjelaskan tentang kepentingan kajian iaitu mengenalpasti faktor dalaman dan sifat peribadi pelaku yang menyebabkan peningkatan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita berkahwin, melihat sejauhmanakah kesan jenayah dari aspek fizikal dan psikologi keganasan rumah tangga yang menimpa golongan wanita berkahwin semenjak bermulanya kawalan pergerakan dilaksanakan dan membolehkan pembaca mampu memahami bahawa keganasan rumah tangga merupakan salah satu perbuatan jenayah yang boleh menghancurkan hubungan perkahwinan rumah tangga terutamanya bagi pasangan muda.

Di samping itu, kaedah pengumpulan data dalam kerangka konseptual terdiri daripada soal selidik yang diberikan kepada 86 responden wanita dan menjalankan kaedah temu bual bersama 8 orang informan wanita yang berpengalaman mengenai jenayah ini. Metodologi kajian digunakan adalah kajian kualitatif, kuantitatif dan hasil kajian dijalankan berdasarkan pengumpulan data daripada maklum balas responden dalam borang soal selidik dan google form.

Akhir sekali, dalam kerangka konseptual turut menjelaskan tentang rumusan kajian keseluruhan berkaitan dengan dapatan kajian yang terdiri daripada demografi, pengalaman, faktor dalaman mangsa, sifat peribadi pelaku dan pengaruh persekitaran, adanya kesan kecederaan fizikal dan kecederaan psikologi serta langkah pengurangan jenayah yang dicadangkan pengkaji sendiri.

Dalam kerangka kajian konseptual terdiri daripada keseluruhan kajian seperti berikut;

Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian



1.7 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian adalah seperti berikut;

- i. Mengenalpasti faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan peningkatan kadar jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita berkahwin di usia perkahwinan muda semenjak pandemik Covid-19 di Daerah Kota Kinabalu, Sabah.
- ii. Kajian ini dijalankan bagi melihat sejauhmanakah kesan jenayah dari aspek fizikal dan psikologi keganasan rumah tangga yang menimpa golongan wanita berkahwin semenjak bermulanya kawalan pergerakan dilaksanakan.
- iii. Kajian ini dijalankan bertujuan memberikan cadangan yang terbaik bagi mengurangkan peningkatan jenayah ini semakin berterusan.
- iv. Malah, kajian ini dilakukan untuk membolehkan pembaca mampu memahami bahawa keganasan rumah tangga merupakan salah satu perbuatan jenayah yang boleh menghancurkan hubungan perkahwinan rumah tangga terutamanya bagi pasangan muda.
- v. Kajian ini dilakukan bagi memberikan kefahaman terutamanya kepada golongan wanita dalam membantu menangani gejala keganasan rumah tangga.
- vi. Kajian ini amat penting untuk golongan wanita sebagai pengajaran atau persediaan bagi mengelakkan berhadapan dengan masalah keganasan rumah tangga pada masa akan datang.
- vii. Kajian ini turut berfokus kepada cadangan yang boleh dilakukan golongan wanita ketika berhadapan dengan masalah keganasan ini.
- viii. Lantaran itu, kajian ini turut memberi manfaat khususnya kepada golongan wanita supaya lebih berhati-hati dan membuat persediaan awal bagi mengelakkan kemungkinan menimpa diri mereka mengenai kes-kes jenayah keganasan rumah tangga yang sering berlaku.
- ix. Di samping itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan serta panduan kepada pengkaji akan datang tentang jenayah berkaitan dengan isu keganasan rumah tangga.

1.8 Skop kajian

Skop kajian lebih berfokus kepada peningkatan jenayah keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita berkahwin di usia perkahwinan muda Kota Kinabalu, Sabah semenjak